


Pelancaran Program Night Market & Night Sport @UniMAP 2009

Oleh ; Fathul Azan bin Faezan

22 Mac 2009 Bertempat di Kolej Kediaman Seberang Ramai Kuala Perlis, telah berlangsungnya Pelancaran Program Night Market@UniMAP dan Night Sport@UniMAP. Program Night Market@UniMAP ini hanya ditawarkan kepada pelajar dan juga staf UniMAP sahaja yang berminat dalam menjalankan aktiviti perniagaan disamping dapat menjana pendapatan sampingan. Ia bertujuan untuk memberi galakan serta pendedahan kepada pelajar di bidang keusahawanan selain untuk menghidupkan lagi suasana malam dengan aktiviti yang berfaedah. Untuk pengetahuan, Night Market@UniMAP ini akan berjalan pada setiap minggu dan dijadualkan diadakan pada setiap hari Jumaat bertempat di Kolej Kediaman Seberang Ramai(KKF) dan Kolej Kediaman Wang Ulu(KKG). Dalam menganjurkan program ini, pihak Unit Keusahawanan juga telah menyediakan beberapa kemudahan peralatan seperti khemah niaga, meja dan juga kerusi. Pelancaran program ini telah disempurnakan oleh Y.Bhg Brigidier General Prof. Dato' Dr. Kamarudin Bin Hussin Naib Canselor UniMAP. Hadir sama bagi memeriahkan lagi majlis ialah Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi Prof Dr. Zul Azhar Bin Zahid Jamal, Pendaftar UniMAP Yg. Berusaha Tuan Haji Rusli Bin Abd Hamid dan Bendahari UniMAP Puan Saodah Binti Hassan. Program telah dimulakan dengan ucapan oleh Y.Bhg Dato Naib Canselor. Manakala upacara pelancaran Program Night Market@UniMAP dan pelancaran Logo Siswa Usahawan@UniMAP menyusul selepas itu. Sebanyak 20 buah gerai telah mengisi ruang tapak niaga yang disediakan. Antara jenis-jenis perniagaan yang terdapat adalah makanan, minuman, aksesori wanita, pakaian dan juga produk-produk kesihatan. Demi memastikan program ini akan terus berjalan, Unit Keusahawanan akan berusaha untuk menambahkan lagi bilangan peniaga serta pengujungnya. Sasaran utama ialah pelajar UniMAP serta

penduduk-penduduk di sekitar Kuala Perlis. Pada pelancaran Program Night Sport@UniMAP pula, Y.Bhg Dato Naib Canselor telah menandatangani pada sebiji bola sebagai simbol perasmian. Untuk makluman, pelbagai acara sukan turut juga disediakan seperti Beach Soccer, Sepak Takraw, Sepak Raga Tuju, Futsal Padang 5 dan Indoor Hoki yang telah bermula pada 21 Mac 2009 lagi. Penyertaan pasukan adalah terdiri dikalangan mahasiswa-mahasiswa yang menghuni di Kolej kediaman Kampung Wai dan juga Kolej Kediaman Wang Ulu. Penyertaan bagi acara Beach Soccer adalah sebanyak 18 pasukan, manakala Sepak Takraw 16 pasukan, Sepak Raga Tuju 12 pasukan, Futsal Padang 21 pasukan dan Indoor Hoki adalah seramai 14 pasukan. Kesemua pertandingan ini telah berlangsung di gelanggang permainan yang terdapat di sekitar kolej kediaman Kg Wai dan juga di Seberang Ramai yang mana pada setiap gelanggang ini turut dibekalkan dengan lampu limpah. Dengan adanya program Night Sport@UniMAP ini, mahasiswa dapat beriadah dan bersukan setelah menghadiri sesi kuliah pada sebelah siang. Selain daripada itu juga, mahasiswa dapat memanfaatkan segala kemudahan gelanggang sukan yang telah disediakan. Berakhirnya kedua-dua pelancaran tersebut, acara diteruskan pula dengan penyampaian hadiah berupa wang tunai kepada pemenang pencipta logo Siswa Usahawan@UniMAP. Majlis turut dimeriahkan lagi dengan perlawanan persahabatan Bola Sepak Pantai dimana pasukan yang bertanding ialah pasukan Dato Naib Canselor bertemu pasukan Prof Dr. Zul Azhar. Perlawanan berkesudahan dengan pasukan Dr. Zul Azhar memenangi perlawanan tersebut. Program Night Market dan Night Sport@UniMAP ini adalah anjuran bersama Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni dan Pejabat Pengetua Kolej Kediaman dengan kerjasama dari Pusat Sukan UniMAP.



Acara	Johan	Naib Johan	Ke Tiga
Beach Soccer	Napi Fc (KKF)	Dickson Fc(KKD)	BME (KKC)
Futsal Padang	Toyen Fc (KKF)	Team BA (KKB)	Gerkit (KKG)
Sepak Takraw	Compact E.S(KKF)	XBX Team (KKE)	B2 Stoges (KKC)
Sepak Raga Tuju	C.B (KKC)	Sepah*(KKG)	TCTD (KKD)
Indoor Hoki	Lipan Malam (KKC)	Kaki Kayu (KKD)	Wang Ulu B (KKG)

Keputusan perlawanan bagi kelima-lima acara yang telah dipertandingkan